



**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Telefon: 03-88832533
Fax : 03-88895245

Rujukan : KKM 100-75/14/1 JLD.5 (45)
Tarikh : 23 Mac 2011

Semua Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Hospital

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BIL. 3 TAHUN 2011**

**URUSAN PELANTIKAN DAN PERANAN AHLI LEMBAGA PELAWAT
HOSPITAL PSIKIATRI, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai Garis Panduan Urusan Pelantikan dan Peranan Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH) Psikiatri Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

LATAR BELAKANG

2. Penubuhan dan pelantikan ALPH Psikiatri KKM adalah termaktub di bawah Akta Kesihatan Mental 2001. Menurut Akta ini, semua Hospital Psikiatri dan Wad-Wad Psikiatri Hospital hendaklah menubuhkan sebuah Lembaga Pelawat dan Lembaga Pelawat ini bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas dan peranan seperti yang termaktub di dalam Akta tersebut.
3. Walau bagaimanapun, didapati bahawa pelaksanaan perkara ini kurang berjalan lancar kerana ketiadaan garis panduan yang jelas berhubung pelantikan dan peranan ALPH Psikiatri. Oleh yang demikian, bagi melancarkan urusan pelantikan dan menjelaskan peranan ALPH Psikiatri ini satu garis panduan perlu dikeluarkan.

URUSAN PELANTIKAN DAN PERANAN AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL PSIKIATRI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

4. Garis Panduan Urusan Pelantikan dan Peranan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seperti di **Lampiran A**.

PEMAKAIAN

5. Semua Hospital Psikiatri di bawah KKM hendaklah menerima pakai Surat Pekeliling ini supaya segala urusan berkaitan pelantikan dan peranan ALPH Psikiatri adalah teratur dan selaras dengan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.

TARIKH KUATKUASA

6. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DATUK KAMARUL ZAMAN BIN MD ISA)

s.k:

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Setiausaha Sulit Kanan YB Menteri Kesihatan

Setiausaha Sulit Kanan YB Timbalan Menteri Kesihatan

**URUSAN PELANTIKAN DAN PERANAN
AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL PSIKIATRI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

KANDUNGAN	MUKASURAT
1. Pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri	1
1.1 Keahlian Lembaga	1
1.2 Kriteria Pencalonan	1
1.3 Syarat-Syarat Pelantikan	2
1.4 Prosedur Pelantikan	3
1.5 Penamatan Keahlian	3
2. Peranan, Tanggungjawab Dan Peraturan Perjalanan Lembaga	4
2.1 Tugas dan Fungsi	4
2.2 Urusetia	7
2.3 Peraturan-Peraturan Lawatan	8
2.4 Laporan Lawatan Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri	9
3. Lampiran 1 : Borang Pencalonan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri	10
4. Lampiran 2 : Carta Aliran Proses Pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri	11

**URUSAN PELANTIKAN DAN PERANAN AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL
PSIKIATRI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1. Pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri

1.1 Keahlian Lembaga

- (a) Setiap Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri hendaklah mengandungi keahlian tidak lebih daripada 25 ahli terpulang kepada bilangan katil dan kemasukan pesakit ke wad.
- (b) Anggota yang dilantik hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 3 orang Pegawai Perubatan atau Pengamal Perubatan Berdaftar, sebaik-baiknya seorang ahli psikiatri yang tidak bekerja di hospital berkaitan.
- (c) Setiap Lembaga hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 orang ahli wanita.
- (d) Seboleh-bolehnya Ahli Lembaga terdiri daripada pelbagai agama, kaum dan mewakili Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), pelbagai profesyen dan ketua masyarakat setempat.
- (e) Seseorang ahli hanya boleh dilantik untuk satu Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri sahaja. Ahli yang sama boleh juga dilantik menjadi Ahli Lembaga Pelawat Hospital berkenaan. Ahli Lembaga Pelawat Hospital berkenaan yang telah dilantik boleh juga dilantik menjadi Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri.

1.2 Kriteria Pencalonan

- (a) Warganegara Malaysia, berumur tidak melebihi 65 tahun semasa tarikh pencalonan, sihat fizikal dan mental.

- (b) Tiada sebarang rekod jenayah termasuk tidak disabitkan di Mahkamah Syariah.
- (c) Bukan seorang yang diisytihar bankrap.
- (d) Bukan Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri.
- (e) Bermastautin di Daerah/Bahagian berkenaan.
- (f) Bersedia memberi sumbangan tenaga secara sukarela dan mempunyai kelapangan masa serta mampu memberi teguran yang membina dan berfaedah.
- (g) Tiada apa-apa kepentingan peribadi atau kewangan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan pesakit/hospital.
- (h) Tiada apa-apa kepentingan lain yang bercanggah atau mungkin bercanggah dengan kepentingan pesakit/hospital.

1.3 Syarat-Syarat Pelantikan

- (a) Seseorang anggota sesuatu Lembaga hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan lebih awal, memegang jawatan selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula dengan persetujuan YB Menteri Kesihatan berdasarkan sumbangan yang aktif dan memuaskan.
- (b) Walaupun keahlian Lembaga adalah secara sukarela, pihak Kementerian akan membayar elaun selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan semasa bagi setiap kali ahli menghadiri Mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri.

1.4 Prosedur Pelantikan

- (a) Ketua Masyarakat Setempat/Badan-badan Bukan Kerajaan(NGO) dan pelbagai profesyen mengemukakan pencalonan kepada Pejabat YB Menteri Kesihatan dengan menggunakan borang pencalonan seperti di Lampiran 1.
- (b) YB Menteri Kesihatan akan membuat pemilihan dan keputusan.
- (c) Kad ahli akan diedarkan kepada ahli-ahli yang dilantik oleh Bahagian Pengurusan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- (d) Pengarah Hospital dikehendaki memberi taklimat kepada Ahli Lembaga mengenai tugas, peranan dan tanggungjawab sebagai Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri selepas selesai proses pelantikan seperti Bahagian VII Akta Kesihatan Mental 2001.
- (e) Setiap hospital hendaklah menyelenggarakan satu daftar/rekod pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri.
- (f) Carta aliran proses pelantikan ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri adalah seperti di Lampiran 2.

1.5 Penamatan Keahlian

- (a) Tidak lagi bermastautin di Daerah/Bahagian berkenaan.
- (b) Maklumat di dalam borang permohonan adalah palsu.
- (c) Gagal menghadiri mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebab-sebab yang munasabah.

- (d) Melanggar peraturan yang ditetapkan sehingga dilucut keahlian dengan persetujuan YB Menteri Kesihatan.
- (e) Mana-mana ahli yang ingin menamatkan keahliannya, hendaklah memberitahu secara bertulis tidak kurang daripada 30 hari ke Pejabat YB Menteri Kesihatan supaya tindakan untuk mencadangkan pengganti dapat dibuat segera.

2. Peranan, Tanggungjawab dan Peraturan Perjalanan Lembaga

2.1 Tugas Dan Fungsi

- (a) Mengadakan Mesyuarat Ahli Lembaga
 - (i) Mesyuarat Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali dan bila-bila masa sebagaimana perlu dan dipengerusikan oleh seorang Ahli Lembaga yang telah dilantik dan turut dihadiri oleh Pengarah Hospital/wakil dan mana-mana pegawai yang ditetapkan oleh Pengarah Hospital berkenaan.
 - (ii) Pengerusi adalah bertanggungjawab di atas kelicinan perjalanan setiap mesyuarat yang dipengerusikannya.
- (b) Mengaturkan Jadual Mesyuarat dan Lawatan Bagi Ahli Lembaga

Bertanggungjawab mengaturkan jadual mesyuarat dan lawatan bagi Ahli Lembaga.

(c) Mengadakan Lawatan Ke Hospital Psikiatri

- (i) Ahli Lembaga yang bertugas hendaklah mengadakan lawatan ke Hospital Psikiatri sekurang-kurangnya sebulan sekali untuk mendapat maklumat mengenai kebajikan dan kesihatan, kecukupan peluang dan kemudahan bagi orang yang ditahan untuk mengamalkan agamanya dan apa-apa perkara lain yang dianggap perlu atau bersesuaian.
- (ii) Boleh memeriksa mana-mana bahagian premis hospital, daftar, buku, perintah, perakuan atau dokumen lain yang berhubungan dengan kemasukan dan pelepasan orang yang ditahan atau dimasukkan ke dalam hospital.
- (iii) Ahli Lembaga hendaklah membuat catatan ke dalam buku yang disimpan di hospital tentang pendapat mereka terhadap kesejahteraan fizikal dan kebajikan orang yang ditahan atau dimasukkan ke dalam hospital. Ahli Lembaga juga perlu menyediakan laporan mengenainya selepas setiap lawatan dan membincangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri.

(d) Pemeriksaan dan Kajian Semula Pesakit Tidak Sukarela

- (i) Memeriksa dan membuat siasatan berhubung dengan kemasukan dan penahanan pesakit tidak sukarela yang telah dibawa kepada mereka. Ahli Lembaga akan memutuskan sama ada pesakit tidak sukarela itu dilepaskan atau dilanjutkan penahanan.

- (ii) Ahli Lembaga perlu melakukan pemeriksaan semula pesakit tidak sukarela yang dibawa ke hadapan oleh Pengarah Hospital sebelum tamat tempoh yang ditetapkan.
- (e) Mengesyorkan Pelepasan Orang Yang Dikurung Di Bawah Seksyen 344 dan 348.

Mengesyorkan pelepasan orang yang dikurung di bawah Seksyen 344 dan 348 selepas mengadakan pemeriksaan dan membuat siasatan terhadap rayuan pelepasan tersebut.

- (f) Penghubung antara Hospital dan Komuniti

Ahli Lembaga boleh memainkan peranan perhubungan awam yang positif dengan memberi penerangan yang jelas kepada orang awam mengenai kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak hospital dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Dengan cara ini, imej dan peranan sesebuah hospital akan dapat diperbaiki dan perkhidmatan Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri akan disanjung tinggi.

- (g) Perkhidmatan Kebajikan kepada Pesakit Dan Hospital

Memberi perkhidmatan kebajikan kepada pesakit-pesakit dan Hospital umpamanya dengan mengumpul buku-buku dan majalah untuk bacaan pesakit, mengumpul dan menghadihkan pakaian lama kepada pesakit. Selain daripada itu, Ahli Lembaga juga boleh secara peribadi menyumbangkan atau mendapatkan bantuan kewangan, misalnya untuk memperbaiki surau, menyediakan seni taman, tempat pesakit berehat dan sebagainya.

(h) **Melibatkan Diri dalam Aktiviti Hospital**

Melibatkan diri dalam aktiviti hospital yang melibatkan komuniti seperti kempen menderma darah, kempen anti merokok dan sebagainya. Ahli Lembaga boleh mengatur program-program berkaitan untuk membantu hospital menjayakan program-program yang membina.

Semasa menjalankan tugas dan fungsi yang tersebut di atas, Ahli Lembaga tidak dibenarkan mengganggu dalam sebarang urusan pentadbiran hospital dan rawatan pesakit.

2.2 Urusetia

- (a) Bahagian Pengurusan Hospital akan bertindak sebagai urusetia untuk menguruskan perjalanan Lembaga. Surat menyurat berkaitan Ahli Lembaga Pelawat boleh dialamatkan kepada hospital berkenaan.
- (b) Tugas-tugas Urus Setia adalah:-
- (i) Menyelenggara rekod keahlian Lembaga Pelawat Psikiatri.
 - (ii) Memaklumkan Pejabat YB Menteri Kesihatan akan kekosongan yang berlaku kerana tempoh pelantikan baru atau peletakan jawatan.
 - (iii) Berbincang dengan Pengerusi Lembaga bagi menyediakan jadual lawatan.
 - (iv) Mengaturkan mesyuarat dan lawatan.
 - (v) Mengambil nota-nota lawatan mesyuarat.

- (vi) Mengedarkan salinan nota-nota dan laporan mesyuarat atau laporan lawatan kepada pihak-pihak berkenaan.

2.3 Peraturan-Peraturan Lawatan

- (a) Lawatan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya sebulan sekali.
- (b) Ahli Lembaga tidak dibenarkan menghantar wakil dalam apa juga keadaan.
- (c) Ahli Lembaga adalah dilarang membuat sebarang kenyataan dalam akhbar berkaitan dengan hasil lawatan.
- (d) Semasa Ahli Lembaga membuat lawatan di Hospital, Pengarah atau Timbalan Pengarah, Ketua Jururawat, Penyelia Hospital dan seorang Pakar/Pegawai Perubatan yang ditentukan oleh Pengarah Hospital hendaklah turut serta.
- (e) Hasil lawatan hendaklah dibentang dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat Psikiatri.
- (f) Ahli Lembaga boleh memeriksa dan membuat lawatan ke mana-mana Jabatan dan Unit dalam hospital termasuklah wad-wad pesakit asalkan lawatan tersebut hendaklah tidak mengendalakan kerja dan tidak pula menghalang pemeriksaan serta rawatan pesakit-pesakit yang ada di dalam wad.
- (g) Tempat-tempat berikut adalah dilarang untuk dilawati oleh Ahli-ahli Lembaga Pelawat:
 - (i) Unit Rawatan Intensif
 - (ii) Stor Perubatan dan lain-lain stor

- (h) Ahli Lembaga boleh mendapatkan maklumat-maklumat daripada pesakit yang datang ke hospital untuk mendapatkan rawatan dan juga pesakit-pesakit yang di dalam wad mengenai makanan, kebersihan, layanan kakitangan-kakitangan hospital, pakaian, tempat tidur dan lain-lain kemudahan yang diberi.
- (i) Catatan-catatan dan rekod tiap-tiap pesakit dan rekod-rekod lain hospital tidak boleh diperiksa oleh Lembaga Pelawat.
- (j) Ahli Lembaga tidak boleh membincangkan dengan pesakit-pesakit tentang selok-belok dan teknik rawatan.

2.4 Laporan Lawatan Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri

- (a) Laporan hendaklah disediakan bagi setiap lawatan yang dibuat dan dikemukakan kepada pihak Pengurusan Hospital.
- (b) Laporan hendaklah mengandungi pandangan, teguran, masalah-masalah, perkara-perkara yang ditimbulkan semasa lawatan dibuat dengan ulasan, cadangan dan syor untuk mengatasinya (jika ada).
- (c) Semua laporan Lembaga Pelawat adalah bertaraf **SULIT** dan tidak boleh dibincang dengan orang awam atau disediakan kepada pihak media.
- (d) Pengarah Hospital hendaklah mengemukakan laporan lawatan termasuk ulasan tersebut kepada Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri untuk tindakan.

LAMPIRAN 1

**Borang Pencalonan
Ahli Lembaga Pelawat Hospital
Psikiatri**



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BORANG PENCALONAN AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL PSIKIATRI

PERHATIAN : Bagi calon-calon

1. Setiap calon perlu mengisi satu Borang Pencalonan dengan lengkap
2. Setiap calon hendaklah berumur 65 tahun dan ke bawah serta bukan terdiri daripada mana-mana Wakil Rakyat/Ahli Parlimen
3. Borang Pencalonan hendaklah disertakan dengan 2 Keping Gambar berukuran Pasport
4. Borang Pencalonan hendaklah disampaikan kepada Pejabat YB Menteri Kesihatan, Aras 13 Blok E7, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya, selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh penerimaan Borang ini

NAMA HOSPITAL DAERAH/NEGERI :

.....

1. Nama Penuh :

.....

(HURUF BESAR)

2. Nama Lain :

.....

3. No. K/P :

(Lama)

(Baru)

.....

4. Tarikh Lahir :

.....

5. Tempat & Negeri Lahir :
6. Jantina : () Lelaki () Perempuan
7. Taraf : () Belum Berkahwin () Berkahwin () Duda / Janda
Perkahwinan
8. Taraf Kewarganegaraan : () Warganegara () Bukan Warganegara
9. Alamat Tempat Tinggal :
.....
.....
10. Poskod :
11. No. Telefon : (a) Rumah : (b) Tel. Bimbit :
12. Pekerjaan : () Kerajaan () Swasta () Sendiri () Badan Berkanun
() Lain-Lain : Nyatakan :
13. Jawatan / Jenis Pekerjaan :
14. Alamat Pejabat / Suat Menyurat :
.....
.....
.....
- Poskod :
15. No. Tel :
- Faks :

KELULUSAN AKADEMIK

16. Kelulusan Tertinggi : () Ijazah / Diploma () STPM/HSC () SPM/MCE
() Darjah VI ke bawah () SRP
() Lain-Lain, Nyatakan :

KEGIATAN SUKARELA BAGI 3 TAHUN TERAKHIR (Bagi calon Badan Sukarela sahaja, sila isikan ruangan ini)

Bil.	Nama Badan Sukarela	Tempoh Masa Menjadi Ahli	Jawatan Sekarang
1.			
2.			
3.			

AKTIVITI / SUMBANGAN BAGI 3 TAHUN TERAKHIR

17. Peringkat Kebangsaan :
18. Peringkat Negeri :
19. Peringkat Daerah / Mukim / Kampung :

**ULASAN PEMIMPIN MASYARAKAT TEMPATAN / KETUA PERTUBUHAN
/ BADAN SUKARELA**

20. Pencalonan ini () disokong () tidak disokong

Ulasan (jika ada)

.....

.....

Nama Pemimpin Masyarakat / Pertubuhan / Badan Sukarela Yang Mencalonkan :

.....

21. Jawatan :

22. Alamat Pejabat :

.....

.....

Poskod :

No. Telefon Pejabat :

.....
(Tandatangan dan cop rasmi)

Tarikh :

KEPUTUSAN YB MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

Diluluskan :

Tidak diluluskan :

Ulasan (jika ada) :

.....

.....

.....

TANDATANGAN :

TARIKH :

LAMPIRAN 2

Carta Aliran

Proses Pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri

CARTA ALIRAN PROSES PELANTIKAN AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL
PSIKIATRI

